



23 MAY, 2026

85 peratus pengguna domestik tak terkesan

Kosmo, Malaysia



85 peratus pengguna domestik tak terkesan

- **Jika berlaku sebarang pelarasan kos elektrik**
- **Rata-rata guna di bawah 600 kilowatt sebulan**

PUTRAJAYA – Kerajaan memberi jaminan kira-kira 85 peratus pengguna domestik di negara ini tidak akan terkesan dengan sebarang pelarasan kos elektrik, meskipun landskap tenaga dunia kini berdepan tekanan peningkatan kos operasi ketara.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, ia berikutan rata-rata penggunaan elektrik domestik adalah di bawah 600 kilowatt sebulan.

“Tak ada kenaikan. Yang saya maksudkan kos akan naik disebabkan bekalan dunia ini terkesan. Bila terkesan, logistik naik, maknanya barangan akan berlaku kenaikan.

“Namun kos elektrik kita dah memberi jaminan bahawa untuk 85 peratus rakyat tidak akan terkesan, sebab itu memang di-

jamin oleh kerajaan, jadi itu akan tetap kita kekalkan. Mungkin adalah kenaikan, ada beberapa industri lain, sektor lain, mungkin ada terkesan sedikit tapi kita sedang menilai, melihat keseluruhannya,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas melancarkan inisiatif *Sustainable Rebate & Incentive Assistance* (SuRIA) Home pada Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (Petra) di sini semalam.

Beliau bagaimanapun berkata, bagi pengguna yang menggunakan elektrik melebihi 600 kilowatt, berkemungkinan terdapat sedikit pelarasan.

“Yang menggunakan tenaga 600 kilowatt ke bawah tak terkesan. Siapa guna lebih 600 kilowatt, itu akan ada *adjustment* (pelarasan) sedikit. Tapi tidak berapa beratlah kalau ada pun,” katanya.

Dalam pada itu, Fadillah berkata, kerajaan terus mempergiat usaha bagi memastikan keterjaminan bekalan tenaga domestik dapat dijamin sekurang-

kurangnya sehingga Disember, susulan krisis bekalan global yang sedang berlaku ketika ini.

Ujarnya, buat masa ini, status keterjaminan bekalan tenaga Malaysia berada dalam kedudukan stabil serta mencukupi untuk menampung permintaan sehingga Julai ini.

“Jadi, kita sebenarnya mahu mengurangkan penggunaan dan menjimatkan penggunaan tenaga. Tujuannya supaya kita dapat memanjangkan tempoh hayat bekalan minyak kita, bekalan gas kita. Kalau setakat ini, keterjaminan bekalan tenaga kita sehingga bulan Julai.

“Petronas sedang bertungkus-lumus untuk mendapat sumber bekalan, malah terpaksa pergi ke Afrika sekali pun. Kalau ia dapat dimuktamadkan, kita akan dapat keterjaminan bekalan tenaga kita sehingga Disember,” katanya.

Mengulas lanjut, Fadillah menjelaskan bahawa kestabilan dan keselesaan yang dinikmati ketika ini juga telah membentuk persepsi umum seolah-olah negara bebas daripada sebarang ancaman krisis.



FADILLAH (dua dari kiri) menyampaikan Anugerah Inovasi Menteri (AIM) kepada penerima di Putrajaya semalam.